



MALAYSIA

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 41  
No. 7

3hb April 1997

TAMBAHAN No. 20  
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 106.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan menurut subseksyen 34(1) Akta <sup>Akta 505.</sup> Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, selepas dibincangkan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, dan adalah disiarkan menurut subseksyen itu.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW  
(FEDERAL TERRITORIES) ACT 1993

FATWA UNDER SECTION 34

THE *FATWA* set out in the Schedule was made by the Mufti of the Federal Territories pursuant to subsection 34(1) of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993, after having been <sup>Act 505.</sup> discussed by the Islamic Legal Consultative Committee, and is published pursuant to that subsection.

JADUAL/SCHEDULE

KE ARAH MEMBENDUNG PENGARUH SYI'AH DI MALAYSIA

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan hendaklah mengikut undang-undang Islam dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi 'aqidah, syariah dan akhlak.

2. Adalah diperakukan bahawa ajaran Islam selain pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan dengan yang demikian penyebaran apa-apa ajaran lain selain pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.

3. Adalah ditetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan yang lain-lain yang berkaitan dengan ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

KADAR ZAKAT FITRAH DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN 1417H/1997M

Kadar zakat fitrah di Wilayah-Wilayah Persekutuan bagi tahun 1417H/1997M ialah RM3.40 seorang.

Bertarikh 8 Mac 1997.

Dated 8 March 1997.

[JAWI/A/145; PN. (PU<sup>2</sup>) 530/II.]

DATO' HJ. MD. HASHIM BIN YAHAYA,  
*Mufti,*  
*Wilayah-Wilayah Persekutuan/  
Federal Territories*

